



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Ministry Of Health

Bahagian Perancangan

Planning Division

Aras 8 (Blok E6), Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 03-8883 2043

web: <https://hq.moh.gov.my/perancangan>

Ruj. Kami: KKM.600-7/13/9 JILID 4 (17)

Tarikh: 29 November 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN PENGGUNAAN KLASIFIKASI PENYAKIT TERBITAN PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO), *INTERNATIONAL CLASSIFICATION OF DISEASES AND RELATED HEALTH PROBLEMS 11TH VERSION* (ICD-11) BAGI PENGUMPULAN DAN PELAPORAN DATA MORBIDITI DAN MORTALITI DI MALAYSIA BERMULA 1 JANUARI 2024 :

- Penambahbaikan proses kerja bagi pengumpulan dan penjanaaan data Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia menggunakan Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan, *Malaysian Health Data Warehouse* (SMRP-MyHDW).

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara di atas dan surat Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) KKM.600-7/13/9 JILID 3 (13) bertarikh 2 November 2023 tentang pelaksanaan pengkodan morbiditi dan mortaliti menggunakan *International Classification Of Diseases And Related Health Problems 11th Version* (ICD-11) adalah berkaitan.

2. Susulan daripada perkara di atas, Seksyen Pusat Informatik Kesihatan, Bahagian Perancangan (PIK) telah mengesyorkan penambahbaikan proses kerja sedia ada yang disesuaikan dengan penggunaan ICD-11 untuk pengumpulan dan penjanaaan data pesakit di hospital-hospital yang melibatkan pesakit dalam, rawatan harian dan pesakit luar. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Informatik Kesihatan (JKKIK) Bil. 1/2024 yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. KPK pada 10 September 2024 juga telah memperakukan penambahbaikan proses kerja tersebut. Maklumat lanjut adalah seperti di **Lampiran 1**.

...2/-

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



PEN SIJILAN MS ISO 9001:2015
(MY - QMS 03653)

3. Sehubungan itu, sukacita dimohon YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan supaya dapat memanjangkan perkara ini untuk perhatian pegawai-pegawai di bawah seliaan dalam pelaksanaan penambahbaikan proses kerja ini.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, pegawai yang boleh dihubungi seperti berikut :

(a) Encik Azman bin Ahmad
Penolong Pengarah Kanan
Pusat Informatik Kesihatan
Bahagian Perancangan
No. Tel : 03-8883 3251
Email : azman_ahmad@moh.gov.my

(b) Puan Nurulhuda binti Ramlan
Penolong Pengarah Kanan
Pusat Informatik Kesihatan
Bahagian Perancangan
No. Tel : 03-8883 3156
Email : nurul_huda@moh.gov.my


Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. ENNA BINTI MOHD HANAFIAH) No. MPM: 32207. PKN: 137143
Pengarah
Bahagian Perancangan

s.k

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

s.k

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat

Timbalan Pengarah
Pusat Informatik Kesihatan
Bahagian Perancangan

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri
2. Pengarah
Institut
3. Pengarah Hospital Kuala Lumpur
4. Pengarah Hospital
Hospital

**PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA PENGUMPULAN DAN
PENJANAAN DATA PESAKIT DALAM, RAWATAN HARIAN DAN PESAKIT
LUAR, SISTEM MAKLUMAT RAWATAN PELANGGAN, *MALAYSIAN HEALTH
DATA WAREHOUSE* (SMRP-MYHDW) BAGI HOSPITAL-HOSPITAL DI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.**

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan penambahbaikan proses kerja melibatkan dokumentasi dan perubahan borang serta laporan bagi pengumpulan dan penjanaan data untuk pesakit dalam, rawatan harian dan pesakit luar yang disesuaikan dengan pelaksanaan ICD-11 dalam Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP), *Malaysian Health Data Warehouse* (MyHDW) bagi Hospital-Hospital di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Fasiliti-fasiliti kesihatan KKM sedang bergerak ke arah transformasi pendigitalan dengan beralih daripada proses manual kepada elektronik. Penambahan elemen automasi di dalam sistem dapat mengurangkan beban kerja bertindan (*redundancy work*) di peringkat pelaksanaan.
- 2.2 Sehingga Disember 2023, terdapat 149 fasiliti kesihatan KKM yang meliputi hospital dan Institusi Perubatan Khas. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 114 (76.5%) fasiliti kesihatan KKM telah mengguna pakai sistem elektronik seperti *Hospital Information System* (HIS) dan lain-lain sistem berkaitan bagi proses perawatan pesakit di fasiliti.
- 2.3 Integrasi antara HIS dan SMRP sedang giat dilaksanakan bagi membolehkan data-data kemasukan dan kedatangan pesakit daripada HIS dialirkan ke SMRP. Sebanyak 101 berbanding 114 fasiliti (88.6%) yang mempunyai HIS telah melaksanakan integrasi dengan SMRP.
- 2.4 Walaupun integrasi sistem dilaksanakan, Pusat Informatik Kesihatan (PIK) mendapati terdapat fasiliti kesihatan masih merekodkan maklumat pesakit dan kod ICD ke dalam **borang fizikal** yang menyebabkan beban dan pertindihan kerja. Cadangan penambahbaikan proses kerja dokumentasi secara manual telah diperaku dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Informatik Kesihatan Bil 1/2024.

3. PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA DAN PERUBAHAN BORANG/LAPORAN

- 3.1 Hospital-Hospital KKM yang mempunyai Buku Daftar Secara Elektronik dalam HIS dan telah melaksanakan integrasi data dengan SMRP, tidak perlu mengguna dan merekodkan maklumat di Buku Daftar Fizikal PER-PD101 (pesakit dalam), PER-RH 301 (rawatan harian) dan PER-PL 101 (pesakit luar).

- 3.2 Kaedah baharu pencarian dan penetapan kod ICD-11 berdasarkan kenyataan diagnosis yang didokumentasikan dalam borang fizikal PER-PD 301 dan PER-RH 301 perlu dibuat secara terus di dalam SMRP mengguna pakai ICD-11 *Embedded Coding Tools* versi 2022-02 yang telah dibangunkan. Pengguna-pengguna Hospital KKM tidak perlu merekodkan kod ICD-11 secara manual di borang fizikal PER-PD301 (pesakit dalam) dan PER-RH 301 (rawatan harian).
- 3.3 Hospital-Hospital KKM yang mengguna pakai sepenuhnya HIS dan menghantar data sepenuhnya merangkumi maklumat kemasukan/kedatangan, discaj dan penetapan kod ICD secara integrasi ke SMRP, tidak perlu menggunakan borang fizikal PER-PD301 (pesakit dalam) dan/atau PER-RH 301 (rawatan harian).
- 3.4 Fasiliti Kesihatan KKM yang telah berintegrasi dengan SMRP dan berjaya mencapai minimum kadar 95% *submission* mengikut modul dan sub modul SMRP, tidak perlu menggunakan dan menghantar laporan-laporan maklumat statistik secara fizikal (reten manual). Walau bagaimanapun, hospital-hospital tersebut perlu memohon kepada PIK dan akan dibenarkan setelah analisis dilakukan di peringkat PIK.
- 3.5 Perubahan borang dan laporan bagi pengumpulan dan penjanaan data untuk pesakit dalam, rawatan harian dan pesakit luar seperti di **Annex 1**.
- 3.6 Peranan dan tanggungjawab penyelaras dan pengguna untuk memantau dan memasukkan data dalam SMRP mengikut modul dan sub modul terlibat seperti di **Annex 2**.

4. PERTANYAAN

- 4.1 Pegawai-pegawai yang boleh dihubungi untuk pertanyaan lanjut ialah seperti berikut :
- (a) Encik Azman bin Ahmad
Penolong Pengarah Kanan
Pusat Informatik Kesihatan
Bahagian Perancangan
No. Tel : 03-8883 3251
Email : azman_ahmad@moh.gov.my
- (b) Puan Nurulhuda binti Ramlan
Penolong Pengarah Kanan
Pusat Informatik Kesihatan
Bahagian Perancangan
No. Tel : 03-8883 3156
Email : nurul_huda@moh.gov.my

5. DOKUMEN RUJUKAN

Pengumpulan data untuk pesakit dalam, rawatan harian dan pesakit luar bagi pelaksanaan ICD-11 dalam SMRP adalah merujuk kepada ketetapan surat arahan berikut :

- 5.1 Surat KKM.100-11/3/88 bertarikh Disember 2016 iaitu Pelaksanaan Penggunaan Aplikasi Sistem Maklumat Rawatan Pesakit Versi 2.0 (SMRP 2.0) Fasa 1 Bagi Modul Pesakit Dalam dan Rawatan Harian di semua Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 5.2 Surat KKM.100-11/3/88 Jilid 3 bertarikh 19 Mac 2018 iaitu Pelaksanaan Penggunaan Aplikasi Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP) Versi 2.0 Fasa 2 di Semua Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Bagi Modul Perkhidmatan Pesakit Luar, Sokongan Klinikal, Perubatan Tradisional & Komplimentari dan Prosedur.
- 5.3 Surat Ketua Pengarah Kesihatan KKM.600-7/13/9 JILID 3 (13) bertarikh 2 November 2023, pelaksanaan penggunaan klasifikasi penyakit terbitan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), *International Classification Of Diseases And Related Health Problems 11th Version* (ICD-11).

6. PENUTUP

Pelaksanaan penambahbaikan proses kerja melibatkan dokumentasi dan perubahan borang serta laporan bagi pengumpulan dan penjanaan data untuk pesakit dalam, rawatan harian dan pesakit luar yang disesuaikan dengan pelaksanaan ICD-11 dalam Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP), *Malaysian Health Data Warehouse* (MyHDW) bagi Hospital-Hospital di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

SENARAI PINDAAN DAN PERUBAHAN FORMAT BORANG DAN LAPORAN

A. FORMAT BORANG

Bil.	Kategori Data	Nama Borang	No. Siri Borang
1.	Pesakit Dalam	Borang Daftar Masuk dan Keluar Hospital. Nota: Digunakan bagi merekodkan maklumat kemasukan dan discaj pesakit dalam dengan mengambil kira perubahan kepada pengekodan ICD-11 di Hospital.	PER-PD 301 (Pin. 1/2024)
2.	Pesakit Dalam	Lampiran Borang Diagnosis dan Prosedur Tambahan Bagi PER-PD301. Nota: Digunakan bagi merekodkan maklumat tambahan diagnosis dan prosedur terhadap borang PER-PD 301.	Lampiran PER-PD 301 (Pin. 1/2024)
3.	Pesakit Dalam	Bancian Harian Wad Nota: Digunakan bagi merekodkan maklumat bancian harian wad.	PER-PD 103 (Pin. 1/2017)
4.	Rawatan Harian	Borang Daftar Pesakit Rawatan Harian Nota: Digunakan bagi merekodkan maklumat kemasukan dan discaj pesakit rawatan harian dengan mengambil kira perubahan kepada pengekodan ICD-11 di Hospital.	PER-RH 301 (Pin. 1/2024)
5.	Rawatan Harian	Lampiran Borang Diagnosis dan Prosedur Tambahan Bagi PER-RH301. Nota: Digunakan bagi merekodkan maklumat tambahan diagnosis dan prosedur terhadap borang PER-RH 301.	Lampiran PER-RH 301 (Pin. 1/2024)
6.	Pesakit Dalam, Rawatan Harian & Pesakit Luar	Borang Kematian dan Penyebab Kematian (Kematian Dalam Fasiliti). Nota: Digunakan bagi merekodkan maklumat kematian di fasiliti kesihatan bagi Pesakit Dalam, Rawatan Harian dan Pesakit Luar. Borang ini adalah lampiran tambahan terhadap borang PER-PD 301 dan PER-RH 301. Diadaptasi daripada format WHO <i>International Form Of Medical Certificate Of Cause Of Death</i> dengan mengambil kira rujukan ICD-11.	PER-KEMATIAN (Pin. 1/2024)

B. FORMAT LAPORAN YANG DIJANA MELALUI SISTEM *MALAYSIA HEALTH DATA WAREHOUSE* (MyHDW)

Bil.	Kategori Data	Nama Laporan	No. Siri Laporan
1.	Pesakit Dalam	Monthly/Yearly Report Of Morbidity And Mortality For Inpatients. Nota: Mengambil kira perubahan kepada pengkodan ICD-11.	PER-PD 206 (Pin. 1/2022)
2.	Rawatan Harian	Monthly/Yearly Report Of Morbidity And Mortality For Daycare. Nota: Mengambil kira perubahan kepada pengkodan ICD-11.	PER-RH 206 (Pin. 1/2022)
3.	Pesakit Luar	Monthly/Yearly Report Of Morbidity And Mortality For Outpatient. Nota: Mengambil kira perubahan kepada pengkodan ICD-11.	PER-PL 206 (Pin. 1/2022)
4.		Laporan Bulanan/Tahunan Kedatangan Baru, Ulangan Dan Jumlah Ke Klinik Pesakit Luar Pakar Dan Pakar Atas Lawatan.	PER-PL 203 (Pin. 1/2017)
5.		Laporan Bulanan/Tahunan Punca Rujukan Pesakit Ke Klinik Pakar/Pakar Atas Lawatan, Jabatan Pesakit Luar, Jabatan Kecemasan & Trauma, <i>Pregnancy Assessment Centre</i> , Pakar Perubatan Keluarga Di Hospital/Institusi/ Klinik Kesihatan.	PER-PL 205 (Pin. 1/2019)
6.		Laporan Bulanan/Tahunan Kedatangan Ibu Mengandung dan Selepas Bersalin dan Anti Tetanus Toxoid Diberi Untuk Ibu Mengandung di Hospital.	PER-PL 209 (Pin. 1/2017)
7.		Laporan Bulanan/Tahunan Kedatangan Pesakit Di Jabatan Kecemasan & Trauma Mengikut Kategori Zon Dan Jenis Kes.	PER-PL 210A (Pin. 1/2017)
8.		Laporan Bulanan/Tahunan Kedatangan Pesakit Luar Mengikut Umur, Jantina dan Kumpulan Etnik.	PER-PL 212 (Pin. 1/2017)

Pautan Dokumen Format Borang Dan Laporan



<https://shorturl.at/CHoMC>

atau,

<https://myhdw.moh.gov.my/public/home> >> Publications >>
public_publications

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGGUNA MENGIKUT MODUL DAN SUB MODUL DI SISTEM MAKLUMAT RAWATAN PELANGGAN (SMRP)

Bil.	Modul/Pengguna	Fungsi
1.	Rawatan Harian (Penyelaras : Pegawai Unit Rawatan Harian)	
	(a) Kaunter Pendaftaran	Mengisi maklumat demografi dan kemasukan pesakit.
	(b) Pegawai di Unit Rawatan Harian/ Pegawai Rekod Perubatan	Mengisi maklumat demografi dan kemasukan pesakit – bergantung kepada pengurusan operasi hospital. Mengisi maklumat klinikal.
2.	Pesakit Dalam (Penyelaras : Pegawai Unit Rekod Perubatan, Wad Bersalin & Unit Forensik)	
	(a) Kaunter Pendaftaran	Mengisi maklumat demografi dan kemasukan pesakit.
	(b) Pegawai Rekod Perubatan	Mengisi maklumat klinikal, bancian harian wad dan pembedahan.
	(c) Wad Bersalin	Mengisi maklumat bersalin dan kelahiran.
	(d) Forensik	Mengisi maklumat kematian.
3.	Pesakit Luar (Penyelaras : Pegawai Jabatan Klinikal masing-masing)	
	(a) Kaunter Pendaftaran	Mengisi maklumat demografi dan kedatangan pesakit.
	(b) Jabatan Kecemasan, JPL/Klinik Khas dan PAC	Mengisi maklumat demografi, kedatangan dan klinikal bagi sub modul masing-masing.
	(c) Klinik Pakar	Mengisi maklumat demografi, kedatangan dan klinikal bagi sub modul Klinik Pakar mengikut disiplin.
4.	Sokongan Klinikal (Penyelaras : Pegawai Jabatan masing-masing)	
	(a) Kaunter Pendaftaran	Mengisi maklumat demografi dan kemasukan pesakit.
	(b) Fisioterapi, Cara Kerja, Radiologi, Terapi Pertuturan, Kerja Sosial, Dietetik, Forensik, Perubatan Nuklear dan Audiologi	Mengisi maklumat demografi, kedatangan dan klinikal bagi sub modul masing-masing.
5.	Prosedur (Penyelaras : Pegawai Bilik Bedah)	
	(a) Kaunter Pendaftaran	Mengisi maklumat demografi dan kemasukan pesakit.
	(b) Bilik Bedah	Mengisi maklumat klinikal.

